

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.


- 1 “_____ pun boleh menyertai pertandingan penulisan sajak ini jika memenuhi syarat dan kalian akan diberikan sijil,” kata Puan Julia kepada murid-muridnya.
- A Apa-apa
B Bila-bila
C Siapa-siapa
D Mana-mana
- 2 Degupan jantung Khairul kembali _____ apabila doktor memasang alat bantuan pernafasan selepas dia mengalami sesak nafas secara tiba-tiba.
- A lazim
B biasa
C norma
D normal

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Walaupun saiz durian ini agak besar, hanya _____ isi durian sahaja yang masih elok dan boleh dimakan.
- A sepapan
B sepasang
C sepangsa
D sebaris

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Juruacara majlis itu digemari oleh kebanyakan pasangan pengantin di sekitar Lembah Klang kerana celotehnya _____ suasana.
- A menghangatkan
B membahangkan
C menyejukkan
D memanaskan

Soalan 5 dan Soalan 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 5 Masalah penderaan kanak-kanak yang kian meningkat kini berlaku akibat pelbagai punca- punca antaranya kerana kegagalan ibu bapa mengawal emosi. Tiada kesalahan.
- A
B
C
D
- 6 Saksi kejadian itu menemukan beberapa bungkus plastik beg yang berisi bahan letupan di dalam rumah bekas askar itu. Tiada kesalahan.
- A
B
C
D

Soalan 7 dan Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 7 I Baju Melayu Adli kelihatan besar kerana ukuran bajunya *lebih* setengah inci daripada ukuran sebenar.
II Lauk-pauk *lebih* makanan pengantin itu dihidangkan di meja keluarga pengantin lelaki yang berada di khemah tetamu.
III Remaja yang telah memasuki alam pembelajaran di kampus *lebih* matang berbanding dengan remaja yang masih di bangku sekolah.
IV Diyana bimbang kerana menunggu adiknya yang masih belum pulang sejak pukul *lebih* enam lalu menghubungi rakan baik adiknya.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
- 8 I Gunung tertinggi di Malaysia itu telah kami *daki* dengan strategi yang rapi dan semua pendaki yang turut serta berasa amat berpuas hati.
II Produk pencerah kulit yang berfungsi menanggalkan *daki* lama kulit mendapat sambutan yang sangat menggalakkan terutama daripada pengguna wanita.
III Liana sering mengelap *daki* pada permukaan perabot jati rumahnya agar kelihatan sentiasa baharu.
IV *Daki* pada laluan denai itu menyukarkan penunggang motosikal kerana terpaksa mengelakkan motosikal daripada terjatuh ke dalam lopak.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 dan Soalan 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 9 Sikap ibu bapa yang sering memahami jiwa anak-anaknya amat sangat dituntut sekali dalam setiap keluarga.
A amat dituntut
B dituntut sekali
C amat sangat dituntut
D amat sangat dituntut sekali

- 10 Pemenang hadiah utama cabutan bertuah itu akan menyumbangkan bahagian dari wang yang dimenangnya kepada anak-anak yatim dan fakir miskin.

A sebahagian daripada wang
B bahagian daripada wang
C sebahagian dari wang
D bahagian dari wang

Soalan 11 dan Soalan 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 11 I Pertandingan mewarna poster sempena Kempen Cintai Jantung Anda telah disertai oleh ramai kanak-kanak berusia di antara empat dengan enam tahun.
II Mak Long Zahrah *selalu menasihati* kami agar makan banyak buah-buahan untuk melancarkan penghadaman.
III Nelayan yang hilang dua hari lepas ditemui terdampar di tepi pantai oleh pasukan penyelamat.
IV Warna baju kurung moden itu telah lusuh kerana acap kali dibasuh oleh Sofea.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 12 I Ayah baru sahaja pulang dari Sabah atas urusan rasmi syarikatnya.
II Tikar anyaman daun mengkuang kian diminati oleh masyarakat bandar kerana coraknya yang disesuaikan dengan peredaran zaman.
III Anak bongsu Haji Mad telah bertahun menghidapi penyakit saraf yang menyukarkannya untuk bergerak dan menguruskan diri.
IV Norma dan cara hidup baru yang lebih menitikberatkan aspek kebersihan yang menjadikan jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital semakin berkurang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

13 Integriti memainkan pelbagai peranan yang signifikan bagi memartabatkan kualiti budaya kerja ke arah wawasan negara berintegriti tinggi.

- A Negara yang berintegriti tinggi memainkan pelbagai peranan yang signifikan bagi memartabatkan integriti dan kualiti budaya kerja.
- B Ke arah wawasan negara berintegriti tinggi, peranan yang signifikan dimainkan oleh integriti bagi memartabatkan budaya kerja berkualiti.
- C Wawasan negara berintegriti tinggi memainkan pelbagai peranan yang signifikan ke arah memartabatkan kualiti budaya kerja dan integriti.
- D Kualiti budaya kerja berkualiti memainkan pelbagai peranan ke arah wawasan negara berintegriti dan memainkan pelbagai peranan yang signifikan.

Soalan 14 dan Soalan 15

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.


14

Sehari selembat benang,
lama-lama menjadi kain

Maksud yang paling sesuai dengan peribahasa di atas ialah

- A harapan tidak menjadi nyata.
- B mengusahakan sesuatu pekerjaan.
- C pekerjaan yang tidak dilakukan hingga selesai.
- D amalan menabung sedikit kemudian menjadi banyak.

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah.



- 15 Beberapa orang penduduk bertungkus lumus membaiki jambatan yang roboh akibat banjir agar dapat menghubungkan kawasan pedalaman dengan pekan kecil.

Peribahasa yang sesuai ialah

- A bagai isi dengan kuku.
- B bagai bulan jatuh ke riba.
- C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- D seekor kerbau berkubang, sekandang kena luluknya.

Soalan 1

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Gariskan kesalahan ejaan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Penceritaan kisah dongeng kebanyakannya bertentangan dengan logik akal kerana didasari khayalan semata-mata.

- (ii) Setiap permohonan cuti rehat oleh para pekerja mestilah mendapat tanda tangan daripada majikan terlebih dahulu.

- (iii) Pembelajaran secara maya memerlukan fokus dan catitan isi penting agar kandungan pelajaran dapat difahami oleh murid.

[3 markah]

Soalan 2

Cerakinkan setiap ayat di bawah, kepada subjek dan predikat. Tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

- (i) Pelaksanaan peraturan baharu di kawasan itu mendapat tentangan daripada orang ramai.

Subjek:	
Predikat:	

- (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan pembelajaran secara digital dari semasa ke semasa.

Subjek:	
Predikat:	

[2 markah]